

BIL. 4/2022
EDISI JUL-DIS 2022

BULETIN CITRA



Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh,
Selayang & Teluk Intan

KOLEJ KEDIAMAN
UITM KAMPUS SUNGAI BULOH
SELAYANG & TELUK INTAN



eISSN 2821-3602



JAWATANKUASA PERWAKILAN
KOLEJ UITM
KAMPUS SUNGAI BULOH & SELAYANG





Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh,
Selayang & Teluk Intan



SIDANG **REDAKSI** BULETIN CITRA KSBSTI

Penaung

Prof Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman

Penasihat

Ts. RD Aidilfitriina Khirotdin

Ketua Editor

Encik Mohd Yazrie Yacob

Penyedia Laporan

Puan Nurul Nadzirah Ismail, Puan Suhaili Ajib, Encik Mohd Yazrie Yacob, Wan Shazwane Wan Shahrudin, Hanna Nadjwa Mohamad Sukari, Nuramira Anuar Yazid, Nur Ainul Hanie Mohamad Hasan, Haris Nur Syahmi Syahrulnizam, Nuramelia Farhana Abd Kadir, Muhammad Khairul Ikhwan Azhar

Pereka Grafik dan Susun Atur

Encik Mohd Yazrie Yacob

Sidang Redaksi Buletin Citra KSBSTI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai buloh & Selayang dan semua bahagian di UiTM yang menjayakan penerbitan buletin Edisi Julai-Disember 2022

Sebarang makluman dan pertanyaan
sila hubungi

Sidang Redaksi Buletin Citra KSBSTI
Jawatankuasa Perwakilan Kolej
Sesi 2021/2022
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
47000 Sungai Buloh
SELANGOR



BULETIN CITRA

KOLEJ KEDIAMAN
UITM KAMPUS SUNGAI BULOH
SELAYANG & TELUK INTAN

ISI KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| Penolong Rektor-Tahniah atas kenaikan pangkat | 1 |
| Terima kasih & Selamat Maju Jaya -Pn Sakinah Idris (SRK) | 2 |
| Naib Johan Hafazan Siswa | 3 |
| Food Bank | 4 |
| Paperback Thrift | 6 |
| Jom Kitar Semula | 7 |
| Minggu Destini Siswa | 9 |
| Home to Home | 11 |
| Forum Gangguan Seksual dalam Masyarakat | 12 |
| Diamond Heart | 13 |



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh

PEMAKLUMAN KENAIKAN PANGKAT KE PROFESOR GRED KHAS C (VK7)



**PROFESOR DR. AHMAD TAUFEK ABDUL RAHMAN
PENOLONG REKTOR (VK7)**

TAHNAH DIUCAPKAN DARIPADA WARGA KAMPUS

Terima Kasih!



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan
Selangor



JAWATANKUASA PERWAKILAN
KOLEJ UTM

PUAN SAKINAH IDRIS PENSYARAH PSIKOLOGI KLINIKAL

DI ATAS JASA BELIAU
SEPANJANG BERKHIDMAT
SEBAGAI **STAF RESIDEN KOLEJ**
DI KOLEJ KEDIAMAN
UTM KAMPUS SELAYANG

16 NOVEMBER 2020 - 15 NOVEMBER 2022



Ikhtlas Daripada:

SIDANG REDAKSI BULETIN CITRA KSBSTI

EXCELLENT . SYNERGY . INTEGRITY

Tahniah

**Naib Johan Hafazan Siswa:
Adam Ali Firdaus bin Shamsul Anuar**

Sekalung Tahniah diucapkan kepada Adam Ali Firdaus bin Shamsul Anuar pelajar tahun kedua Program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan, wakil tunggal Kolej Kediaman UiTM Kampus Sungai Buloh ke Perujian Tilawah & Hafazan Al-Quran kali ke-4



PERUJIAN TILAWAH & HAFAZAN AL-QURAN

Kali ke



**E-Sijil &
Jam Latihan**

disediakan

PIALA TIMBALAN NAIB CANSOLOR HEP UiTM
PERINGKAT KOLEJ KEDIAMAN UiTM SHAH ALAM DAN KOLEJ KEDIAMAN UiTM CAWANGAN SELANGOR

PERUJIAN HAFAZAN
7 Dis 2022 | 12 J'Awal 1444H
10.00 am - 5.00 pm



PERUJIAN TILAWAH
8 Dis 2022 | 13 J'Awal 1444H
2.00 pm - 11.00 pm

7-8 Dis 2022
12-13 J'Awal 1444

**DEWAN RESITAL PANGA SAKTI, PUSAT KEBUDAYAAN,
HEP, UiTM SHAH ALAM**

Tarikh Tutup Penyertaan
2 Dis 2022 | 4.00 pm



Imbas Kod QR untuk syarat
penyertaan dan borang pendaftaran

Arjuran Pusat Kebudayaan dengan kerjasama Kolej UiTM Shah Alam dan Kolej UiTM Cawangan Selangor dan Majlis Perwakilan Pelajar

LIVE di [pusatkebudayaanuitm](#)



[pusatkebudayaanuitm](#)



[pusatkebudayaanuitm](#)



[pusatkebudayaanuitm](#)

FOOD BANK



Food Bank UiTM Kampus Sungai Buloh telah menerima sumbangan di bawah Program Food Bank Siswa yang telah dilaksanakan pada 7 Disember 2022 dalam usaha membantu pelajar yang memerlukan makanan di kalangan daripada keluarga berpendapatan kurang berkemampuan.

Semoga dengan sumbangan ini dapat membantu para pelajar yang memerlukan. Terima kasih atas kolaborasi daripada Rakan Penyumbang Utama serta Rakan Strategik Utama di bawah Program Food Bank Malaysia yang menjayakan pelaksanaan inisiatif ini.



PAPERBACK THRIFT

Program Paperback Thrift anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej ini telah berjaya dianjurkan pada 1 Februari 2022 hingga 30 Oktober 2022.

Objektif utama program ini adalah untuk menjual buku-buku terpakai kepada pelanggan dengan harga yang berpatutan di samping mengurangkan kes buku terbiar di kolej kediaman. Selain itu program ini juga dapat menggalakkan dan meningkatkan aktiviti keusahawanan di kalangan pelajar di kolej kediaman.

Program ini menggunakan pelbagai medium sosial yang ada seperti Instagram, Shopee dan Carousel bagi mempromosikan buku-buku terpakai yang ingin dijual oleh para pelajar. Sasaran pendapatan kewangan juga telah berjaya dicapai melalui aktiviti jualan yang aktif sama ada secara fizikal mahupun maya.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Selangor

JOIN US AT MDS!
(MINGGU DESTINI SISWA)

Paperback Thrift!

BUY 5 FREE 1!

BUY 2 GET FREE GIFT!

22 OCTOBER 2022 AT 9.30AM!
SEE YOU AT AUDITORIUM 2!

MAKE A PURCHASE THROUGH
@PAPERBACK_THRIFT (INSTAGRAM)
@JPKUSB (SHOPEE)
@JPKUSB.CO (CAROUSELL)

+6012 566 6654 (CAMELIA) / +6013 423 0845 (LEENA)

PRIZES WORTH RM100 FOR TOP SELLER & BUYER!
WINNER WILL BE ANNOUNCED ON 31ST OCTOBER



Bringing you affordable second-hand textbooks!

Paperback Thrift!

STARTING FROM
April 2022

MAKE A PURCHASE THROUGH

@paperback_thrift



@jpkusb.co






+6012 566 6654 (Camelia) / +6013 423 0845 (Leena)



Shot on Y17
Vivo AI camera

2022.10.22 07:58



JOM KITAR SEMULA

Program Jom Kitar Semula merupakan sebuah program kesedaran berkaitan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Matlamat utama program ini ialah untuk memupuk semangat cinta terhadap alam sekitar dalam diri pelajar di kolej kediaman.

Program ini dibahagikan kepada pertandingan mencipta poster atau infografik berkaitan kitar semula dan juga Webinar Jom Kitar Semula yang disampaikan oleh Puan Nur Syuhaida Binti Shamsudin, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Alam Sekitar Selangor. Webinar yang menarik ini sarat dengan pengetahuan berkaitan kitar semula. Antara inisiatifnya ialah penerangan kepentingan melupuskan bahan elektronik terpakai (e-waste) dan ubat-ubatan terpakai dengan cara yang betul.

Diharap para pelajar mendapat kesedaran berkaitan kepentingan kitar semula dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.

MINGGU DESTINI SISWA

SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH



Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Kampus Selayang



BULETIN
CITRA

PROF MADYA DR AHMAD TAUFEK ABDUL RAHMAN
PENOLONG REKTOR
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

AMANAT PENOLONG REKTOR

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

Ts. PUAN RD AIDIFITRI KHIROTDIN
PENGETUA KOLEJ

SESI BERSAMA UNIT PENGURUSAN KOLEJ

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

TAJUK: PENGURUSAN KOLEJ

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

ENCIK RAZALI ABDUL HADI
TIMBALAN PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN FASILITI

SESI BERSAMA BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN FASILITI

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

TAJUK: E-ADUAN

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

PUAN AISHAH MOHAMED IDRIS
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN

SESI BERSAMA BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

TAJUK: PENGURUSAN & PERKHIDMATAN ICT

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

PUAN FARAH FARHANAH ABDUL AZIZ
PEGAWAI PSIKOLOGI UNIT KERJAYA & KAUNSELING

SESI BERSAMA UNIT KERJAYA & KAUNSELING

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

TAJUK: PENGURUSAN MENTAL BERKESAN

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

PUAN NURUL JUNAIDAH TARMIZI
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN

SESI BERSAMA PEJABAT POLIS BANTUAN

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

TAJUK: TAKLIMAT KESELAMATAN & KESEJAHTERAAN PELAJAR DI DALAM KAMPUS

MINGGU DESTINI SISWA
SESI 2022/2023
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

MINGGU DESTINI SISWA

Minggu Destini Siswa (MDS) telah berlangsung dengan jayanya pada 22 Oktober 2022 secara fizikal di Auditorium 2, Fakulti Perubatan, UiTM Kampus Sungai Buloh. Seramai 94 orang mahasiswa barharu Tahun 1 yang terdiri daripada 58 pelajar Fakulti Pergigian dan 36 pelajar Fakulti Perubatan.

Program anjuran bersama Unit Pengurusan Kolej (UPK) dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) ini telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Taufek, Penolong Rektor UiTM Kampus Sungai Buloh.

Matlamat utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar baharu tentang kemudahan kampus, Akta 174, organisasi UiTM dan lain-lain lagi. Selain itu, program ini juga bertujuan memberi motivasi kepada pelajar penerapan untuk menguruskan diri sendiri serta menyemarakkan semangat menimba ilmu bagi mencapai tahap kecemerlangan. Matlamat yang terakhir ialah menyemai dan memupuk nilai-nilai murni, jati diri serta personaliti pelajar yang unggul.

Program ini meliputi sesi taklimat

daripada wakil Pusat tanggungjawab (PTJ) seperti Bahagian Pembangunan dan Fasiliti, Bahagian Teknologi Maklumat, Unit Kaunseling & Kerjaya, Bahagian Keselamatan dan Unit Pengurusan Kolej. Setiap taklimat telah menerangkan perkara-perkara penting yang perlu diketahui oleh setiap pelajar baharu.

Antara panel penceramah yang terlibat adalah Pn Farah Farhanah (Unit Kaunseling & Kerjaya), Pn Aishah (Bahagian Teknologi Maklumat), En Razali (Bahagian Pembangunan & Fasiliti), Insp/PB Hadith (Bahagian Keselamatan) dan Pn Ts RD Aidifitrina Khirotdin (Pengetua Kolej). Fasilitator yang terlibat adalah terdiri daripada staf Unit Pengurusan Kolej kampus Sungai Buloh & Selayang serta barisan Jawatankuasa Perwakilan Kolej sesi 2021/2022.

Penilaian kefahaman pelajar juga diuji dalam program ini dengan soalan kuiz yang diselangi pada setiap taklimat. Selain itu, terdapat juga acara sukan dan 'explorace' pada sesi petang yang dikendalikan oleh fasilitator di kalangan JPK bagi memupuk semangat bekerjasama dalam kalangan ahli kumpulan. Di akhir program terdapat sesi penyampaian hadiah kepada kumpulan terbaik, pemenang cabutan bertuah dan kuiz.





HOME TO HOME

Program Home To Home ini berlangsung daripada bulan Februari 2022 hingga bulan Ogos 2022 dimana pada setiap bulan para Staf Residen Kolej (SRK) dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) akan melawat rumah pelajar mengikut aras yang ditetapkan. Setiap bulan, objektif lawatan akan berubah mengikut isu-isu semasa yang berlaku seperti peraturan kolej, kebersihan kolej kediaman, pengendalian kes Covid-19 dan sebagainya.

Matlamat utama program ini adalah untuk mengeratkan hubungan antara para SRK, JPK dan penghuni kolej seterusnya memberi informasi berguna kepada semua pelajar berkaitan peraturan, fasiliti dan kemudahan yang terdapat di kolej kediaman. Selain itu, program ini juga dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar bagi merealisasikan matlamat UiTM Kampus Sungai Buloh ke arah kampus beradab.

Home 2 Home





Sekalung penghargaan diberikan kepada semua AJK yang terlibat dalam menayakan program ini. Sejuta penghargaan juga diberikan kepada penasihat program kerana banyak membimbing dan memberi pendapat sepanjang program ini dilaksanakan.

FORUM GANGGUAN SEKSUAL DALAM MASYARAKAT

Program Forum Gangguan Seksual dalam Masyarakat telah diadakan pada 5 Ogos 2022 di platform Google Meet dan Facebook Live. Program ini mencatat penyertaan seramai 46 orang peserta dan 4 tetamu jemputan.

Program berbentuk forum ini dilaksanakan atas objektif untuk memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya para siswazah di Universiti Teknologi MARA (UiTM) tentang jenis gangguan seksual yang mungkin boleh berlaku. Bukan itu sahaja, tujuan forum ini juga adalah untuk memberi ilmu pengetahuan dan kesedaran kepada para siswazah tentang cara bertindak sekiranya berhadapan dengan situasi gangguan seksual tersebut sekaligus mencegah perkara-perkara atau kejadian yang boleh menyumbang kepada gangguan seksual terhadap para siswazah.

Program ini telah dirasmikan oleh pengetua kolej UiTM Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan iaitu Puan Ts Rd Aidifitrina binti Khirotudin. Forum ini telah menjemput 2 orang panel yang mempunyai kepakaran dalam menguruskan masalah berkaitan gangguan dalam kalangan masyarakat iaitu Tuan DSP/PB Yuzaini Ridzuan bin Yusof dan Puan Farah Farhanah binti Abdul Aziz.





DIAMOND HEART

Program Diamond Heart telah dilaksanakan pada 1 Oktober 2022 di Kampung Orang Asli Batu 16, Gombak dengan tujuan untuk menyantuni komuniti orang asli. Bukan itu sahaja, ia juga untuk memupuk rasa ihsan dan kemanusiaan kepada parapeserta selain memberikan pendedahan kepada mereka tentang masyarakat orang asli. Program ini disertai oleh 10 orang pelajar perubatan dan 9 orang pelajar pergigian UiTM Sungai Buloh & Selayang.

Aktiviti yang telah dilaksanakan ialah pemeriksaan kesihatan dan sesi konsultasi bersama pelajar perubatan klinikal, sesi tutorial penjagaan gigi bersama kanak-kanak yang dikenalkan oleh pelajar.



pergigian, ceramah kesihatan mental yang diberikan oleh Puan Sakinah binti Idris, sukaneka, cabutan bertuah dan akhir sekali, penyerahan sumbangan berupa keperluan asas kepada 35 buah keluarga orang asli.

Peralatan seperti glukometer, sphygmomanometer dan stadiometer telah dipinjam daripada Makmal Pelbagai Guna UiTM Sungai Buloh manakala peralatan lain seperti khemah, meja dan kerusi disewa daripada unit fasiliti UiTM Sungai Buloh. Sebanyak RM1,800 diperuntukkan untuk pembelian barangan hadiah dan sumbangan bagi program ini.



Sebagai rumusan, program Diamond Heart telah berlangsung dengan jayanya pada 1 Oktober 2022 walaupun terpaksa ditangguhkan daripada tarikh asal 13 Ogos 2022, aktiviti kemasyarakatan ini berjaya mencapai tentatif dan matlamat asal program. Diharapkan program sebegini akan terus diadakan pada masa akan datang untuk melahirkan bakal-bakal doktor yang aktif di dalam aktiviti kemasyarakatan.



